

15/04/2004

Sanggup berbelanja demi cintakan kuda

Azidan Nahar

SUKAN berkuda kerap dianggap sebagai sukan mahal. Harga seekor kuda kadang kala boleh disamakan dengan sebuah rumah kos sederhana. Malah, ada yang mencapai berjuta, bergantung kepada jenis kuda dan pembabitannya dalam pertandingan. Justeru, disebabkan statusnya, tidak ramai yang terbabit dengan sukan ini. Di negara ini, hanya ada beberapa keluarga yang mempunyai minat mendalam terhadap sukan ini melalui pembabitan semua anggota keluarga. EpG mendekati keluarga berkenaan untuk mendapatkan padangan mereka terhadap sukan yang dianggap elit ini dan hobi membabitkan haiwan istimewa ini.

"SUKAN berkuda ini sebenarnya tidak mahal. Ramai yang salah anggap ia hanya dimainkan golongan elit," itulah luahan Abdul Razak Latiff ketika diajukan pertanyaan mengenai sukan berkuda atau equestrian yang dianggap banyak pihak sebagai antara sukan mahal.

Beliau yang menceburi sukan terbabit sejak 1990-an kemudiannya diikuti ahli keluarganya berkata, sebenarnya kuda untuk pertandingan dan rekreasi adalah berbeza tetapi banyak pihak yang kurang faham kerana banyak paparan media yang menjurus ke arah itu.

Sambil memberi contoh pelbagai lagi jenis sukan, nyata pandangan orang lama dalam sukan equestrian ini ada benarnya kerana semua jenis sukan memerlukan perbelanjaan berbeza mengikut tahap pencapaian mereka.

Minatnya bukan saja setakat bersukan, bahkan Abdul Razak sanggup menghabiskan wang jutaan ringgit semata-mata untuk menganjurkan pertandingan equestrian dan beliau sendiri adalah pengasas kepada Piala Perdana sempena memperingati tarikh lahir bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed.

"Harapan saya hanya nak menaikkan martabat dan imej bangsa kita dengan sukan ini. Saya mahu sukan ini popular. Kadangkala saya sedih apabila ia sukar untuk berkembang walaupun sudah diberi bantuan. Mungkin mereka tiada minat agaknya.

"Ada juga yang cakap sukan ini tiada masa depan. Tetapi jika kita minat dan berusaha, tiada apa yang mustahil. Tuhan akan tunjukkan jalan," katanya dalam pertemuan dengan EpG di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort baru-baru ini.

Sambil mengambil contoh masyarakat di Pantai Timur dan juga Sabah dan Sarawak yang juga mempunyai kepakaran menunggang kuda walaupun kuda padi, Abdul Razak, berkata masyarakat secara umum hanya memandang kelas elit yang tinggal ibu kota saja terbabit dalam sukan itu.

Namun Abdul Razak menyedari jika ingin maju dan menyertai banyak pertandingan, banyak kos terpaksa dilaburkan untuk menampung biaya pengangkutan menyebabkan ramai penunggang berbakat dari kawasan terbabit tidak dapat menyertai pertandingan.

"Tetapi kita boleh secara perlahan-lahan perbaiki keadaan ini supaya suatu hari nanti sukan ini berkembang peringkat demi peringkat. Saya juga nak tubuhkan kelab equestrian sendiri bagi menarik minat masyarakat dalam sukan ini.

"Dah banyak peningkatan dalam sukan ini berbanding dulu, memang tidak dinafikan ramai golongan elit mendominasi sukan ini tetapi saya nak tarik kelompok kecil ini dengan beri peluang kepada mereka bergiat aktif," katanya.

Abdul Razak mula meminati sukan berkenaan apabila anak-anaknya yang masih kecil menunggang kuda di kelab equestrian Bukit Kiara mencabarnya

untuk turut serta.

"Sebelum ini saya marah mereka naik kuda kerana bahaya. Tetapi mereka pula yang cabar saya. Selepas itu minat itu mula datang dan secara perlahan-lahan saya mula bergiat aktif dalam sukan ini," katanya yang kini mempunyai tujuh kuda berharga kira-kira RM80,000 seekor.

Abd Razak kemudiannya membeli seekor kuda dari Australia dan mula berjinak-jinak dengan sukan itu bersama kelima-lima anak perempuannya.

"Saya yakin suatu hari nanti ia akan berkembang dengan pesat dan boleh menjadi aktiviti pelancongan berteraskan sukan yang seterusnya menaikkan lagi imej negara kita," katanya.

DATA EPG

ABDUL RAZAK

UMUR: 52 tahun

TINGGI: 185sm

BERAT: 92kg

ASAL: Kajang, Selangor

KERJAYA: Ahli perniagaan

MULA TERBABIT: 1992